

18 DEC 1997

Mahathir - Ilmu

INDUSTRI PERLU LATIH BURUH BERILMU

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sektor industri perlu melatih buruh berilmu dan berkemahiran untuk membolehkannya beralih kepada pengeluaran nilai ditambah yang lebih tinggi dan peningkatan penggunaan teknologi.

Perdana Menteri berkata operasi operasi perlu diubahsuai untuk menjimatkan penggunaan buruh.

"Industri yang tidak berorientasikan eksport perlu mengurangkan pergantungan kepada buruh asing yang kebanyakannya tidak mahir dan kurang produktif," katanya pada majlis penyampaian anugerah kecemerlangan industri 1997 di sini.

Dr Mahathir berkata pergantungan kepada buruh asing itu tidak membawa kepada peningkatan produktiviti.

Beliau juga mahu industri lebih peka terhadap penggunaan dan aplikasi teknologi baru dan teknologi yang dipertingkatkan bagi mencetuskan inovasi dalam industri dan memperkukuhkan asas teknologi negara.

Dr Mahathir berkata pelaburan dalam teknologi perlu dipertingkatkan dan kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi membantu industri memperolehi teknologi yang bersesuaian termasuk Skim Tabung Komersialisasi Penyelidikan dan Pembangunan untuk mengkomersilkan hasil penyelidikan tempatan.

Satu lagi ialah Tabung Perolehan Teknologi untuk memudahkan pemilikan teknologi strategik dari luar negara oleh industri tempatan.

"Peluang kemudahan ini perlulah dimanfaatkan sepenuhnya oleh industri," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata walaupun ekonomi negara menghadapi tekanan dan cabaran, sektor perkilangan telah menunjukkan prestasi meyakinkan dengan perkembangan pesat yang telah menyumbangkan 78.2 peratus kepada jumlah pendapatan eksport negara bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini.

Perkembangan sektor perkilangan diterajui oleh pertumbuhan industri berorientasikan eksport yang telah mencatatkan pertumbuhan keluaran sebanyak 13.3 peratus dalam tempoh itu.

"Kerajaan yakin sektor perkilangan akan terus berupaya menunjukkan prestasi yang diharapkan dan terus menjadi penggerak penting dalam proses pembangunan ekonomi negara," katanya.

Dr Mahathir berkata di samping sektor perkilangan, sektor perkhidmatan juga perlu dibangunkan sebagai satu sektor yang produktif, berdaya saing dan berasaskan sumber kepakaran dan perkhidmatan profesional tempatan.

Negara kini banyak bergantung kepada sumber kepakaran dan perkhidmatan profesional luar negara, yang mengakibatkan pengaliran keluar pertukaran asing.

Perdana Menteri yang mahu keadaan itu diperbaiki, berkata sektor perkhidmatan perlu diperkukuhkan supaya ia dapat menyumbang secara berkesan kepada pertumbuhan ekonomi dan pembedahan imbalan pembayaran negara.

"Salah satu senjata yang boleh meningkatkan produktiviti dan daya saing industri ialah Teknologi Maklumat (IT)," katanya.

Beliau berkata penggunaan IT dalam perniagaan kian meluas dan mereka yang gagal menggunakannya akan menghadapi masa depan dunia perniagaan yang sempit dan tidak berkembang.

Beliau berharap pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) akan diceburi dan dimanfaatkan bersama oleh syarikat tempatan.

"Syarikat tempatan perlulah merebut peluang yang dihasilkan oleh MSC

daripada segi pembangunan perisian multimedia, peralatan automasi, robotik dan perkakasan," katanya.

Bagi memperbaiki imbangan pembayaran negara dan menjimatkan pertukaran asing, Dr Mahathir berkata pengeluar perlulah secepat mungkin mengalihkan pembelian input dan komponen kepada sumber bekalan tempatan yang tidak kurang kompetitif memandangkan penyusutan nilai ringgit mengakibatkan kos input dan komponen yang diimport menjadi lebih mahal.

Beliau berharap industri memperlengkap dan memperkukuhkan kedudukan dan prestasi setiap syarikat dan firma dalam semua sektor.

Katanya persatuan-persatuan industri perlu lebih aktif dalam mengesan masalah yang mungkin dihadapi oleh anggota-anggotanya dan merumuskan langkah-langkah yang wajar untuk mengatasinya.

"Di mana perlu, maklumat yang benar mestilah disampaikan kepada kerajaan supaya kita dapat sama-sama mengatasi kesulitan yang dihadapi," katanya.

Perdana Menteri berkata menjelang abad ke-21, negara memerlukan lebih ramai usahawan-teknokrat yang dapat menggabungkan kemahiran menggunakan teknologi dengan kemahiran menguruskan syarikat.

Menurutnya usahawan itu harus berani menghadapi risiko untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang baru dan pasaran bukan tradisional seperti menerokai industri teknologi maklumat dan multimedia.

Sambil mengucapkan tahniah kepada semua pemenang anugerah anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu, Dr Mahathir berkata kecemerlangan merupakan satu sasaran yang dinamik dan tidak statik, malahan tafsiran bagi maksud kecemerlangan akan terus menjadi lebih kompleks serta ukuran pencapaiannya terus meningkat, yang memerlukan mereka turut terus meningkat. -- BERNAMA

MNY MAI